

D527

U 8437 OEB
MAHATHIR - LOJI

BANGI, 2 NOV. (BERNAMA) -- LOJI PERINTIS DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT DI INSITITUT PENYELIDIKAN MINYAK KELAPA SAWIT (PORIM) DI SINI MEMBERI IMPLIKASI YANG BESAR KEPADA PROGRAM PERINDUSTRIAN, KETAHANAN NASIONAL DAN KEMAJUAN EKONOMI NEGARA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

LOJI ITU YANG BERTERANGAN \$2.9 JUTA BERUPAYA MENGELUARKAN 3,000 TAN DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT YANG DIKENALI SEBAGAI +METHYL ESTER+ SETAHUN SECARA BERTERUSAN, DILANCARKAN OLEH OLEH PERDANA MENTERI.

MELALUI PENGELUARAN LOJI ITU UJIAN DIJALANKAN SELAMA DUA TAHUN BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT DARI SEGI TEKNIKAL DAN KEMUNGKINAN PERDAGANGAN BAGI DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT SEBAGAI BAHAN BAKAR KEPADA ENJIN DAN KENDERAAN DIESEL.

PROJEK ITU DIBIAYAI OLEH PETRONAS KESELURUHANNYA MENELAN BELANJA \$11.7 JUTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, KETIKA MERASMIKAN LOJI ITU, BERKATA BAHAWA SIMPANAN PETROLEUM MENTAH NEGARA DIANGGAR HABIS DALAM MASA 20 TAHUN LAGI.

JIKA PADA MASA ITU BEKALAN MINYAK DUNIA TERGANGGU, NEGARA AKAN MENGALAMI KESULITAN BESAR DAN JUSTERU ITU NEGARA HARUS BERSEDIA DENGAN SUMBER TENAGA GANTIAN YANG TERDAPAT DI NEGARA INI, KATANYA. -- LAGI.

MAHATHIR - LOJI 2 BANGI

BELIAU BERKATA KAJIAN SETAKAT INI MENUNJUKKAN BAHAWA BAHAN DIESEL MINYAK SAWIT MEMPUNYAI POTENSI DAN SKOP UNTUK DIGUNAKAN SECARA PERDAGANGAN.

PENILAIAN KE ATAS DIESEL ITU PADA ENJIN KENDERAAN DAN ENJIN YANG TIDAK BERGERAK TELAH MEMBERI HASIL YANG MENGGALAKKAN DAN CIRI-CIRINYA ADALAH SETANDING DENGAN DIESEL PETROLEUM, KATANYA.

UJIAN AWALAN KE ATAS BEBERAPA BUAH TEKSI DAN KENDERAAN PORIM YANG MELIPUTI SEMUA ASPEK TEKNIKAL DAN PRESTASI MEMBERI PETANDA-PETANDA BAIK DAN MEYAKINKAN UNTUK DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN BAKAR, KATANYA LAGI.

BELIAU BERKATA ANTARA HASIL-HASIL YANG MENGGALAKKAN IALAH KELUARAN ASAP EKZOS YANG KURANG BERBANDING DENGAN DIESEL BIASA DAN INI MENGURANGKAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SATU LAGI KEBAIKAN DIESEL MINYAK SAWIT IALAH ENJIN DIESEL YANG SEDIA ADA TIDAK PERLU DIUBAHSUAI UNTUK MENGGUNAKANNYA. -- LAGI.

MAHATHIR - LOJI 3 BANGI

DIESEL MINYAK SAWIT TELAH DIUJI PADA ENAM BUAH TEKSI YANG BERJALAN SEJAUH 70,000 KM DAN BEBERAPA KENDERAAN TERMASUK LORI, TRAKTOR DAN LAND-CRUISER SEJAUH 95,000 KM SETAKAT INI DAN DIDAPATI HASILNYA MENGGALAKKAN.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR PARA PEMANDU YANG TERBABIT DALAM UJIAN ITU MENGESAHKAN BAHAWA MEREKA TIDAK MENGALAMI APA JUA KEKURANGAN TENAGA ENJIN YANG BERMAKNA PEMBAKARAN MINYAK ADALAH LEBIH CEKAP DARIPADA DIESEL BIASA.

BELIAU GEMBIRA KERANA BEBERAPA PEMBUAT ENJIN TERKENAL BERSETUJU MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM UJIAN LASAK SELANJUTNYA MEMBABITKAN 200 BUAH ENJIN DIESEL DAN KEDERAAN MELIPUTI JARAK SEJAUH 300,000 KM.

BELIAU BERKATA PORIM JUGA SEDANG MENGUJI PENGGUNAAN TERUS MINYAK SAWIT MENTAH OLEH ENJIN YANG DIREKA KHAS OLEH ELKO LIZENZA DARI JERMAN BARAT MEMANDANGKAN TERDAPAT DENGAN BANYAKNYA MINYAK SAWIT MENTAH DI NEGARA INI.

KATANYA, 18 PERATUS DARIPADA JUMLAH TENAGA YANG DIGUNAKAN OLEH INDUSTRI PENGANGKUTAN DI NEGARA INI KINI IALAH DARIPADA DIESEL PETROLEUM.

OLEH ITU MINYAK SAWIT BOLEH MEMAINKAN PERANAN LEBIH LUAS DI NEGARA INI TERUTAMA APABILA HARGANYA RENDAH AKIBAT PERSAINGAN OLEH MINYAK MAKAN YANG LAIN. -- BERNAMA.

1732MST 02 11 85